

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## INSIDEN SUKE: KONTRAKTOR UTAMA DAN SUBKONTRAKTOR DIDENDA RM180,000

**KUALA LUMPUR, 3 November 2020:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengenakan penalti berjumlah RM180,000 kepada kontraktor utama dan subkontraktor projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) kerana gagal menjalankan kewajipan bagi memastikan keselamatan di tapak bina pada 19 September lepas.

Kontraktor Utama, MRCB Builders Sdn Bhd dikenakan penalti sebanyak RM80,000 manakala subkontraktor Makna Setia Sdn Bhd berjumlah RM100,000.

Kedua-dua kontraktor berkenaan masing-masing dikenakan penalti mengikut Seksyen 34B(1)(c) dan Seksyen 34C(1) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), iaitu kewajipan kontraktor dalam memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan samada semasa atau selepas pembinaan.

Hasil siasatan CIDB mendapati, subkontraktor tersebut turut tidak mengikuti prosedur kerja yang betul dan mempunyai penyelia tapak yang tidak diakredit.

Berikutan itu, subkontraktor berkenaan telah diarah membuat penambahbaikan dalam prosedur keselamatan termasuk menghantar pekerja, penyelia tapak dan pengurus pembinaan untuk diakreditasi.

Bagi menjamin keselamatan awam dan langkah-langkah kerja bagi projek SUKE, CIDB turut mendarahkan subkontraktor berkenaan melakukan audit keselamatan oleh pihak ketiga terhadap keselamatan projek, cara kerja dan pengendalian serta pengurusan tapak bina.

Sepanjang siasatan, kedua-dua syarikat memberi kerjasama yang baik termasuk membuat aku janji untuk meningkatkan prosedur dan perlaksanaan kerja yang lebih selamat.

Pada 19 September lepas, seorang wanita nyaris maut apabila keretanya ditimpa sebuah parapet konkrit struktur pembinaan SUKE yang jatuh di Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

---

### ***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

*Abdul Rakis Santa ([rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my))                            03-40477008 / 012-6200360  
Mansor Ahmad      ([mansor.ahmad@cidb.gov.my](mailto:mansor.ahmad@cidb.gov.my))    03-40477021 / 012-386 4997*